

Zakir bebas ceramah agama Islam, tapi bukan politik

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini pendakwah Islam Dr. Zakir Naik bebas mengajar dan bercakap tentang Islam, tetapi tidak mengenai politik perkauman yang boleh mengganggu dan merosakkan kebajikan dan ketenteraman rakyat Malaysia.

"Kita tidak mahu menyekatnya daripada bercakap mengenai agama dan perkara yang benar, tetapi agak jelas beliau ingin berperanan dalam politik perkauman di Malaysia.

"Pertama sekali, saya tak tahu

siapa yang memberikan beliau status penduduk tetap (PR), tetapi sebagai penduduk tetap, beliau tidak boleh menyertai politik.

"Beliau boleh berdakwah tetapi beliau tidak berbuat begitu... beliau bercakap mengenai soal menghantar orang

Cina pulang ke China, orang India pulang ke India, itu bagi saya adalah satu langkah poli-



DR MAHATHIR

tik," kata Dr. Mahathir kepada pemberita semasa Kongres Perangkaian Dunia Ke-62 anjuran International Statistical Institute (ISI) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, sudah menjadi budaya rakyat negara ini yang begitu berhati-hati apa-

bila mereka bercakap mengenai perkara yang sensitif kepada komuniti lain. - BERNAMA